

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Bentong. Perkara yang difokuskan dalam bab ini ialah perkaitan di antara pencapaian akademik dengan taraf status sosioekonomi keluarga dan persekitaran rumah tangga. Bab ini juga akan melihat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan cara asuhan, sikap serta minat yang di tunjukkan oleh ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak di rumah.

4.2 Demografi dan Analisis Deskriptif

Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan empat SMK Seri Delima. Data yang diperolehi ini merupakan data yang menerangkan ciri-ciri subjek kajian yang berbentuk profil seperti peratusan dan frekuensi bagi kategori pencapaian akademik dan status sosioekonomi. Keputusan yang diperolehi adalah seperti jadual di bawah:

4.2.1 Taburan responden mengikut kategori pencapaian akademik

Dalam kajian ini pencapaian akademik di bahagikan kepada 3 kategori iaitu pencapaian akademik tinggi iaitu pelajar yang memperolehi nilai skor purata

antara 3.00-4.00 , pencapaian akademik sederhana antara 2.00-2.99 dan pencapaian akademik rendah antara 1.00-1.99.

Jadual 1 : Taburan responden mengikut kategori pencapaian akademik

| Kategori Pencapaian Akademik | Peratus | Kekerapan |
|------------------------------|---------|-----------|
| Tinggi (3.00-4.00) | 44.8 | 47 |
| Sederhana (2.00-2.99) | 34.3 | 36 |
| Rendah (1.00-1.99) | 21.0 | 22 |
| Jumlah | 100.0 | 105 |

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut kategori pencapaian akademik. Responden yang mendapat pencapaian akademik rendah iaitu yang memperolehi skor purata antara 1.00-1.99 adalah seramai 22 orang (21.0%), manakala yang mendapat pencapaian akademik sederhana ,memperolehi skor purata antara 2.00-2.99 adalah seramai 36 orang (34.3 %) dan responden yang mendapat pencapaian tinggi iaitu memperolehi skor purata antara 3.00-4.00 pula adalah seramai 47 orang (44.8%). Taburan ini menunjukkan 44.8% responden dikategorikan dalam pencapaian akademik tinggi berbanding 21.0% dikategorikan dalam pencapaian akademik rendah.

4.2.2 Taburan responden mengikut taraf status sosioekonomi

Jadual 2 : Taburan responden mengikut taraf status sosioekonomi

| Taraf status sosioekonomi | Peratus | Kekerapan |
|------------------------------------|---------|-----------|
| Lebih daripada RM3000 (SSE Tinggi) | 16.2 | 17 |
| RM1000-2000 (SSE Sederhana) | 25.7 | 27 |
| RM100-900 (SSE Rendah) | 58.1 | 61 |
| Jumlah | 100 | 105 |

Jadual 2 menunjukkan 16.2% responden datang dari keluarga yang mempunyai taraf status sosioekonomi tinggi berbanding 25.7% dari SSE sederhana dan 58.1% dari SSE rendah. Taraf status sosioekonomi ini diukur berdasarkan jumlah pendapatan ibu bapa. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden adalah dari keluarga yang mempunyai taraf status sosioekonomi yang rendah .

4.3 Taraf status sosioekonomi dan pencapaian akademik

4.3.1 Pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik

Soalan 1 : Adakah terdapat perkaitan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik?

Jadual 3 : Perkaitan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik

| Pendapatan ibu bapa | Pencapaian Akademik | | |
|-----------------------|---------------------|-----------|----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| RM100-900 | 31.1(14) | 35.6 (16) | 33.3(15) |
| RM1000-2000 | 41.9(18) | 41.9 (18) | 16.3(7) |
| Lebih daripada RM3000 | 88.2 (15) | 11.8(2) | - |
| Jumlah | 100 (105) | 100 (105) | 100(105) |

* signifikan pada aras $p < 0.05$
Likelihood ratio = 22.228 ,(df=4 ,p =0.001)

Jadual 3 menunjukkan 31.1% pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah iaitu antara RM100-900 mendapat pencapaian akademik tinggi , 35.6% pelajar mendapat pencapaian akademik sederhana dan 33.3 % mendapat pencapaian akademik rendah.

Daripada kalangan keluarga berpendapatan sederhana (RM1000-2000), 41.9% pelajar mendapat pencapaian akademik tinggi , 41.9% mendapat

pencapaian akademik sederhana dan hanya 16.3% sahaja mendapat pencapaian akademik rendah.

Analisis juga menunjukkan 88.2% pelajar yang mendapat pencapaian akademik tinggi datang dari keluarga berpendapatan lebih daripada RM3000 , 11.8% pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi yang mendapat pencapaian akademik sederhana. Tiada pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi mendapat pencapaian akademik rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 22.228 (df=4 dan $p=0.001$) menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan jumlah pendapatan ibu bapa. Aras signifikan ialah $p<0.05$. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara jumlah pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik anak-anak di sekolah. Jadual 3 menunjukkan semakin tinggi pendapatan ibu bapa semakin tinggi pencapaian anak-anak mereka.

4.3.2 Pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik

Soalan 2 : Adakah terdapat perkaitan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik?

Jadual 4 : Perkaitan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik

| Pekerjaan ibu | Pencapaian Akademik | | |
|--|---------------------|-----------|-----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| Kumpulan I(Pengurusan Dan Profesional) | 61.5 (8) | 30.8 (4) | 7.7 (1) |
| Kumpulan II (Sokongan) | 53.8 (7) | 38.5 (5) | 7.7 (1) |
| Kumpulan III (Pekerja Separuh Mahir dan tidak mahir) | 40.5 (32) | 34.2 (27) | 25.3(20) |
| Jumlah | 100 (105) | 100 (105) | 100 (105) |

* aras signifikan $p < 0.05$

Likelihood ratio= 4.959 (df=4 ,p=0.292)

Jadual 4 menunjukkan 61.5% pelajar yang ibu mereka bekerja dalam kategori pengurusan dan profesional mendapat pencapaian akademik tinggi , 30.8% yang mendapat pencapaian sederhana dan 7.7% pelajar mendapat pencapaian rendah.

Manakala 53.8% pelajar yang ibu mereka bekerja dalam kategori kumpulan sokongan mendapat pencapaian tinggi , 38.5% mendapat pencapaian sederhana dan 7.7% pelajar mendapat pencapaian rendah.

Bagi pelajar yang ibu mereka bekerja dalam kategori pekerja separuh mahir dan tidak mahir, 40.5% mendapat pencapaian tinggi berbanding 34.2% mendapat pencapaian sederhana dan 25.3% mendapat pencapaian rendah

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 4.959 df=4 dan p=0.292 menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan pekerjaan ibu. Analisa menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara pekerjaan ibu dengan pencapaian akademik .

4.3.3 Pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik

Soalan 3 : Adakah terdapat perkaitan di antara pekerjaan bapa dengan
Pencapaian akademik ?

Jadual 5 : Perkaitan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik

| Pekerjaan Bapa | Pencapaian Akademik | | |
|--|---------------------|-----------|----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| Kumpulan I (Pengurusan Dan Profesional) | 76.5 (13) | 17.6 (3) | 5.9 (1) |
| Kumpulan II (Sokongan) | 48.1 (13) | 37.0 (10) | 14.8(4) |
| Kumpulan III (Pekerja Separuh Mahir dan tidak mahir) | 34.4 (21) | 37.7 (23) | 27.9(17) |
| Jumlah | 100(105) | 100 (105) | 100(105) |

* Signifikan pada aras $p < 0.05$

likelihood ratio=11,111,df=4 dan $p=0.025$

Jadual 5 menunjukkan 76.5% pelajar yang bapa mereka bekerja dalam kategori pengurusan dan profesional mendapat pencapaian tinggi , 17.6% mendapat pencapaian sederhana dan 5.9% sahaja mendapat pencapaian rendah.

Manakala 48.1% pelajar yang bapa mereka bekerja dalam kategori sokongan mendapat pencapaian tinggi , 37.0% mendapat pencapaian sederhana dan 14.8% mendapat pencapaian rendah.

Bagi kategori pelajar yang bapa mereka bekerja dalam sektor perburuhan dan pekerjaan separuh mahir , 34.4% mendapat pencapaian tinggi , 37.7% mendapat pencapaian sederhana dan 27.9% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio ialah 11.111, $df = 4$ dan $p = 0.025$ menunjukkan terdapat perkaitan di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik. Aras signifikan ialah $p < 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan pekerjaan bapa. Jadual 5 menunjukkan semakin tinggi taraf pekerjaan bapa semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak mereka .

4.3.4 Tahap pendidikan ibu bapa

Jadual 6 : Tahap pendidikan ibu bapa pelajar

| Tahap pendidikan Ibu bapa | Peratus | Kekerapan |
|---------------------------|---------|-----------|
| Tidak pernah Bersekolah | 3.8 | 4 |
| Sekolah Rendah | 13.3 | 14 |
| Sekolah Agama | 1.0 | 1 |
| SRP | 15.2 | 16 |
| SPM | 41.0 | 43 |
| STPM/Diploma | 16.2 | 17 |
| Ijazah/Universiti | 9.5 | 10 |
| Jumlah | 100 | 105 |

Jadual 6 menunjukkan 9.5% pelajar mempunyai ibu bapa yang berkelulusan ijazah berbanding 16.7% pelajar mempunyai ibu bapa yang berkelulusan STPM atau diploma. Manakala 41.0% pelajar mempunyai ibu bapa berkelulusan SPM, 15.2% berkelulusan SRP dan hanya 1.0% bersekolah setakat

Sekolah Agama dan 13.3% bersekolah setakat sekolah rendah sahaja.

Sementara itu , 3.8% pelajar sahaja yang mempunyai ibu bapa yang tidak pernah bersekolah. Analisis data menunjukkan 41.0% pelajar mempunyai ibu bapa yang berkelulusan SPM dan hanya 9.5% sahaja yang berkelulusan Universiti.

4.3.5 Tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik

Soalan 4 : Adakah terdapat perkaitan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik ?

Jadual 7 : Perkaitan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik

| Tahap pendidikan ibu bapa | Pencapaian Akademik | | |
|---------------------------|---------------------|-----------|-----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| Tak Pernah Sekolah | 100.0 (4) | - | - |
| Sekolah Rendah | 28.6(4) | 42.9(6) | 28.6 (4) |
| Sekolah Agama | - | 100.0(1) | - |
| SRP | 31.3(5) | 25.0(4) | 43.8 (7) |
| SPM | 34.9(15) | 41.9(18) | 23.3 (10) |
| STPM/Diploma | 64.7(11) | 35.3(6) | - |
| Ijazah /Universiti | 80.0(8) | 10.0(1) | 10.0 (1) |
| Jumlah | 100 (105) | 100(105) | 100(105) |

* signifikan pada aras $p < 0.05$

likelihood ratio = 29.920 df=12 $p = 0.003$

Jadual 7 menunjukkan 80.0 % pelajar yang ibu bapa mereka berkelulusan

Ijazah mendapat pencapaian tinggi , 10.0% mendapat pencapaian sederhana dan

10.0% pelajar mendapat pencapaian rendah .

Manakala pelajar yang mempunyai ibu bapa berkelulusan STPM dan Diploma, 64.7% mendapat pencapaian tinggi, 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan tiada pelajar yang mendapat pencapaian rendah.

Analisis juga menunjukkan 34.9% pelajar yang ibu bapa mereka berkelulusan SPM mendapat pencapaian tinggi, 41.9% mendapat pencapaian sederhana dan 23.3% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khikusa dua likelihood ratio =29.920 df=12 p=0.003 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan tahap pendidikan ibu bapa. Aras signifikan ialah $p < 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik. Jadual 7 menunjukkan semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak mereka.

4.4 Persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik

4.4.1 Kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik

Soalan 7: Adakah terdapat perkaitan di antara kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik?

Jadual 8: Perkaitan di antara kawasan tempat tinggal dengan pencapaian akademik

| Kawasan tempat tinggal | Pencapaian Akademik | | |
|------------------------|---------------------|-----------|----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| Bandar / Pekan | 52.3 (23) | 29.5 (13) | 18.2(8) |
| Luar Bandar | 66.7 (4) | 16.7 (1) | 16.7(1) |
| Tanah Rancangan Felda | 36.4 (20) | 40.0(22) | 23.6(13) |
| Jumlah | 100 (105) | 100(105) | 100(105) |

* signifikan pada aras $p < 0.05$

Likelihood ratio = 3.889 (df=4 , $p=0.431$)

Jadual 8 menunjukkan 52.3% pelajar yang datang dari kawasan bandar mendapat pencapaian tinggi ,29.5% mendapat pencapaian sederhana dan 18.2 % mendapat pencapaian rendah.

Pelajar yang datang dari kawasan luar bandar pula , 66.7% mendapat pencapaian tinggi , 16.7% mendapat pencapaian sederhana dan 16.7% mendapat pencapaian rendah.

Analisis juga menunjukkan 36.4% pelajar dari kawasan Tanah Rancangan Felda mendapat pencapaian tinggi , 40.0% mendapat pencapaian sederhana dan 23.6% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio= .823 , (df=4, p=0.421) menunjukkan tidak terdapat pekaitan di antara pencapaian akademik dengan kawasan tempat tinggal.

4.4.2 Kemudahan fizikal di rumah dengan pencapaian akademik

Soalan 8 :Adakah terdapat perkaitan di antara kemudahan fizikal dengan pencapaian akademik?

Jadual 9 : Perkaitan di antara kemudahan fizikal di rumah dengan pencapaian akademik

| Kemudahan Fizikal dirumah (api,air,telefon,internet,komputer perabot dll) | Pencapaian akademik | | |
|---|---------------------|-----------|-----------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah |
| Ada | 45.1 (46) | 34.3(35) | 20.6%(21) |
| Tiada | 33.3 (1) | 33.3 (1) | 33.3 (1) |
| Jumlah | 100 (105) | 100 (105) | 100(105) |

* signifikan pada aras $p < 0.05$

likelihood ratio =0.292 df=2 p=0.864

Jadual 9 menunjukkan 45.1% pelajar yang mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap di rumah mendapat pencapaian tinggi , 34.3% mendapat pencapaian sederhana dan 20.6% mendapat pencapaian rendah.

33.3% pelajar yang tidak mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap mendapat pencapaian tinggi manakala 33.3% mendapat pencapaian sederhana dan 33.3% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio =0.292 df=2 p=0.864 menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan kemudahan fizikal di rumah.

4.5 Cara asuhan dan sikap ibu bapa

Soalan 8 : Adakah terdapat perkaitan di antara cara asuhan dan sikap ibu bapa dengan pencapaian akademik?

Jadual 10 :Perkaitan di antara cara asuhan dan sikap ibu bapa dengan pencapaian akademik

| Cara asuhan dan sikap Ibu bapa | Pencapaian akademik | | | X^2 | Signifikan. |
|--|---------------------|-----------|-----------|--------|-------------|
| | Tinggi | Sederhana | Rendah | | |
| Memastikan anak-anak | | | | | |
| Menyiapkan kerja rumah | | | | | |
| Selalu | 49.1 (28) | 26.3 (15) | 24.6 (14) | 5.611 | 0.230 |
| Kadang-kadang | 52.9(9) | 35.3 (6) | 11.8 (2) | | |
| Tak Pernah | 32.3(10) | 48.4 (15) | 19.4 (6) | | |
| Mengambil berat tentang Keputusan peperiksaan Sama ada meningkat Atau merosot | | | | | |
| Selalu | 42.4 (36) | 35.3 (30) | 22.4 (19) | 3.707 | 0.447 |
| Kadang-kadang | 58.8 (10) | 23.5 (4) | 17.6 (3) | | |
| Tak Pernah | 33.3 (1) | 66.7 (2) | - | | |
| Mendorong supaya gigih Berusaha agar dapat Kerja dan gaji yang Tinggi | | | | | |
| Selalu | 45.6 (31) | 32.4 (22) | 22.1 (15) | 15.235 | 0.004 |
| Kadang-kadang | 11.8 (2) | 64.7 (11) | 23.5 (4) | | |
| Tak Pernah | 70.0 (14) | 15.0 (3) | 15.0 (3) | | |
| Sentiasa bertanya tentang Pelajaran di sekolah | | | | | |
| Selalu | 46.7 (42) | 34.4 (31) | 18.9 (17) | 2.213 | 0.697 |
| Kadang-kadang | 37.5 (3) | 37.5 (3) | 25.0 (2) | | |
| Tak Pernah | 28.6 (2) | 28.6 (2) | 42.9 (3) | | |
| Menyediakan jadual belajar Yang tetap | | | | | |
| Selalu | 51.6 (33) | 29.7 (19) | 18.8 (12) | 10.512 | 0.033 |
| Kadang-kadang | 17.4 (4) | 47.8 (11) | 34.8 (8) | | |
| Tak Pernah | 55.6 (10) | 33.3 (6) | 11.1 (2) | | |
| Membantu dalam pelajaran | | | | | |
| Selalu | 56.3 (9) | 18.8 (3) | 25.0 (4) | 3.200 | 0.525 |

| | | | | | |
|---|-----------|-----------|-----------|-------|-------|
| Kadang-kadang | 38.5 (10) | 34.6 (9) | 26.9 (7) | | |
| Tak Pernah | 44.4 (28) | 38.1 (24) | 17.5 (11) | | |
| <hr/> | | | | | |
| Sentiasa memberi kata Rangsangan | | | | | |
| Selalu | 39.1 (18) | 41.3 (19) | 19.6 (9) | 3.811 | 0.432 |
| Kadang-kadang | 46.3 (19) | 26.8 (11) | 26.8 (11) | | |
| Tak Pernah | 55.6 (10) | 33.3 (6) | 11.1 (2) | | |
| <hr/> | | | | | |
| Memberi ganjaran dan hadiah jika keputusan baik | | | | | |
| Selalu | 46.8 (37) | 32.9 (26) | 20.3 (16) | 2.244 | 0.691 |
| Kadang-kadang | 40.9 (9) | 40.9 (9) | 18.2 (4) | | |
| Tak Pernah | 25.0 (1) | 25.0 (1) | 50.0 (2) | | |

* signifikan pada aras $p < 0.05$

4.5.1 Sikap ibu bapa yang memastikan anak-anak menyiapkan kerja rumah

Jadual 10 menunjukkan 49.1% pelajar yang ibu bapa mereka selalu memastikan mereka menyiapkan kerja rumah, mendapat pencapaian tinggi, 26.3% mendapat pencapaian sederhana dan 24.6% mendapat pencapaian rendah. Manakala 52.9% pelajar yang ibu bapa mereka kadang-kadang sahaja memastikan anak membuat kerja rumah mendapat pencapaian tinggi, 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.8% mendapat pencapaian rendah. 32.3% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memastikan mereka menyiapkan kerja rumah mendapat pencapaian tinggi, 48.4% mendapat pencapaian sederhana dan 19.4% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 5.611 $p = 0.230$, menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan sikap ibu bapa yang sentiasa memastikan anak menyiapkan kerja rumah. Aras signifikan ialah $p < 0.05$.

4.5.2 Sikap ibu bapa yang mengambil berat tentang keputusan peperiksaan.

Analisa juga menunjukkan 42.4% pelajar yang ibu bapa mereka selalu mengambil berat tentang keputusan peperiksaan mendapat pencapaian tinggi, 35.3% mendapat pencapaian sederhana dan 22.4% mendapat pencapaian rendah. Manakala 33.3% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah mengambil berat tentang keputusan peperiksaan mendapat pencapaian tinggi, 66.7% mendapat pencapaian sederhana, dan tiada yang mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio= 3.707, $p=0.447$ menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dengan sikap sentiasa mengambil berat tentang keputusan peperiksaan anak-anak.

4.5.3 Sikap ibu bapa yang mendorong anak supaya gigih berusaha

Bagi sikap mendorong anak supaya gigih berusaha agar mendapat pekerjaan dan gaji yang tinggi, 45.6% pelajar yang ibu bapa mereka selalu mendorong mendapat pencapaian tinggi, 32.4% mendapat pencapaian sederhana dan 22.1% mendapat pencapaian rendah. Manakala 70.0% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah mendorong supaya gigih berusaha mendapat pencapaian tinggi, 15.0% mendapat pencapaian sederhana dan 15.0% lagi mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio=15.235 , $p=0.004$ menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan sikap mendorong anak supaya gigih berusaha. Aras signifikan ialah $p<0.05$.

4.5.4 Sikap ibu bapa yang sentiasa bertanya tentang pelajaran anak

Bagi kategori sikap ibu bapa yang sentiasa bertanya tentang pelajaran anak, 46.7% mendapat pencapaian tinggi , 34.4% mendapat pencapaian sederhana dan 18.9% mendapat pencapaian rendah. Manakala 28.6% pelajar yang mempunyai ibu bapa yang tidak pernah bertanya tentang pelajaran sekolah, mendapat pencapaian tinggi , 26.6% mendapat pencapaian sederhana dan 42.9% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 2.213 , $p=0.697$ menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa bertanya tentang pelajaran anak dengan pencapaian akademik.

4.5.5 Sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar yang tetap

Bagi kategori sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar yang tetap, 51.6% mendapat pencapaian tinggi , 29.7% mendapat pencapaian sederhana dan 18.8% mendapat pencapaian rendah. Pelajar yang mempunyai ibu bapa yang tidak pernah menyediakan jadual belajar yang tetap ,55.6% mendapat pencapaian tinggi , 33.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.1% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 10.512 , $p=0.033$ menunjukkan terdapat perkaitan di antara sikap ibu bapa yang menyediakan jadual belajar dengan pencapaian akademik. Signifikan pada aras $p<0.05$.

4.5.6 Sikap ibu bapa yang membantu dalam pelajaran

Bagi kategori sikap ibu bapa yang membantu dalam pelajaran, 56.3% pelajar mempunyai ibu bapa yang selalu membantu mendapat pencapaian tinggi , 18.8% mendapat pencapaian sederhana dan 25.0% mendapat pencapaian rendah. 38.5% pelajar yang ibu bapa mereka kadang-kadang membantu mendapat pencapaian tinggi , 34.6% mendapat pencapaian sederhana dan 26.9% mendapat pencapaian rendah. Manakala 44.4% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah membantu mendapat pencapaian tinggi , 38.1% mendapat pencapaian sederhana dan 17.5% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio = 3.200 , $p=0.525$ menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara sikap ibu bapa yang membantu anak dalam pelajaran dengan pencapaian akademik.

4.5.7 Sikap ibu bapa yang sentiasa memberi kata rangsangan

Bagi kategori sikap ibu bapa yang sentiasa memberi kata rangsangan, 39.1% mendapat pencapaian tinggi berbanding 41.3% mendapat pencapaian sederhana dan 19.6% mendapat pencapaian rendah. 46.3% pelajar yang ibu bapa mereka kadang-kadang memberi kata rangsangan mendapat pencapaian tinggi , 26.8% mendapat pencapaian sederhana dan 26.8% mendapat pencapaian rendah.

Manakala 55.6% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memberi kata rangsangan mendapat pencapaian tinggi , 33.3% mendapat pencapaian sederhana dan 11.1% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio= 3.811, $p=0.432$ menunjukkan tidak terdapat perkaitan di antara sikap ibu bapa yang sentiasa memberi kata rangsangan dengan pencapaian akademik.

4.5.8 Sikap ibu bapa yang memberi ganjaran jika keputusan baik

Bagi kategori sikap ibu bapa yang akan memberi ganjaran jika keputusan baik , 46.8% pelajar yang ibu bapa mereka selalu memberi ganjaran mendapat pencapaian tinggi , 32.9% mendapat pencapaian sederhana dan 20.3% mendapat pencapaian rendah. 40.9% pelajar yang ibu bapa mereka kadang-kadang memberi ganjaran mendapat pencapaian tinggi , 40.9% mendapat pencapaian sederhana dan 18.2% mendapat pencapaian rendah. Manakala 25.0% pelajar yang ibu bapa mereka tidak pernah memberi ganjaran mendapat pencapaian tinggi , 25.0% mendapat pencapaian sederhana dan 50.0% mendapat pencapaian rendah.

Nilai khi kuasa dua likelihood ratio=2.244 , $p=0.691$ menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang memberi ganjaran jika keputusan baik dengan pencapaian akademik.

Jadual 10 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan sikap ibu bapa yang sentiasa mendorong anak supaya gigih berusaha ($p = 0.004$) dan cara ibu bapa yang menyediakan jadual belajar yang tetap untuk anak-anak ($p = 0.033$) . Manakala tidak terdapat

perkaitan yang signifikan di antara sikap ibu bapa yang memastikan anak menyiapkan kerja rumah ($p = 0.230$), sikap mengambil berat tentang keputusan peperiksaan ($p = 0.447$), sentiasa bertanya tentang pelajaran ($p = 0.697$), dan memberi ganjaran jika keputusan baik ($p = 0.691$) dengan pencapaian akademik pelajar.